

## Analisis Keperluan Modul Pembelajaran Jarak Jauh Bahasa Cina di Universiti Pendidikan Sultan Idris

### *(Needs Analysis for the Development of a Chinese Distance Learning Module at Universiti Pendidikan Sultan Idris)*

Tan Tiam Lai<sup>1</sup>, Ng Miew Hoon<sup>2</sup>, Ng Miew Luan<sup>3</sup>, Tan Hua An<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [tiamlai@fbk.upsi.edu.my](mailto:tiamlai@fbk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [miewhoon@fbk.upsi.edu.my](mailto:miewhoon@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>Faculty of Education and Liberal Arts, INTi International University, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: [miewluan.ng@newinti.edu.my](mailto:miewluan.ng@newinti.edu.my)

<sup>4</sup>Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, 09000 Kulim, Kedah, Malaysia.

Email: [hatan@unikl.edu.my](mailto:hatan@unikl.edu.my)

#### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan pembangunan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina bagi Program Sarjana Pendidikan Bahasa Cina di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dengan menggunakan kaedah soal selidik melibatkan 50 responden daripada pelbagai latar belakang, kajian ini menilai kepentingan elemen kandungan, interaksi, dan teknologi dalam reka bentuk instruksional. Dapatan menunjukkan bahawa video kuliah pendek ( $M=4.65$ ), glosari kosa kata dengan audio ( $M=4.60$ ), dan bank soalan interaktif ( $M=4.55$ ) merupakan komponen utama modul. Dari segi teknologi, antara muka responsif ( $M=4.70$ ) dan penjejak kemajuan ( $M=4.55$ ) mendapat kadar persetujuan tertinggi. Analisis ANOVA mendedahkan perbezaan signifikan antara pelajar dan pensyarah dalam penilaian interaktiviti masa nyata ( $F=5.10, p<.01$ ). Data kualitatif pula menekankan cabaran seperti kekurangan interaksi bersemuka, masalah teknikal, dan pengekal motivasi. Cadangan inovatif termasuk penggunaan teknologi AI, gamifikasi, dan integrasi budaya Malaysia. Kajian ini menegaskan bahawa pembangunan modul perlu menekankan kandungan mikro, interaktiviti tinggi, serta teknologi mesra pengguna dan adaptif.

#### ABSTRACT

This study aims to analyze the needs for developing a Chinese distance learning module for the Master of Chinese Language Education program at Universiti Pendidikan

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Tan Tiam Lai  
([tiamlai@fbk.upsi.edu.my](mailto:tiamlai@fbk.upsi.edu.my))

##### KATA KUNCI:

Pembelajaran jarak jauh  
Bahasa Cina  
Modul instruksional  
Teknologi pendidikan  
UPSI

##### KEYWORDS:

Distance learning  
Chinese language  
Instructional module  
Educational technology  
UPSI

##### CITATION:

Tan, T. L., Ng, M. H., Ng, M. L., & Tan, H. A. (2026). Analisis Keperluan Modul Pembelajaran Jarak Jauh Bahasa Cina di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(1), e003775. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i1.3775>

Sultan Idris (UPSI). Using a survey involving 50 respondents from diverse backgrounds, the study evaluates the importance of content, interaction, and technology elements in instructional design. Findings indicate that short lecture videos (M=4.65), vocabulary glossaries with audio (M=4.60), and interactive question banks (M=4.55) are the most critical components. In terms of technology, responsive interfaces (M=4.70) and progress trackers (M=4.55) received the highest agreement rates. ANOVA analysis revealed significant differences between students and lecturers in evaluating real-time interaction (F=5.10, p<.01). Qualitative data highlighted challenges such as lack of face-to-face interaction, technical issues, and sustaining motivation. Innovative suggestions included AI-based pronunciation assessment, gamification, and cultural integration. Overall, the study emphasizes that module development should prioritize micro-content, high interactivity, and user-friendly adaptive technology.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memberikan analisis keperluan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina di UPSI. Keaslian kajian terletak pada fokus konteks Malaysia yang masih kurang diterokai, serta menyediakan asas empirikal untuk reka bentuk modul yang relevan dan interaktif.

## 1. Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah membawa transformasi besar dalam landskap pendidikan global, termasuk di Malaysia. Pendidikan jarak jauh (Open and Distance Learning (ODL) semakin mendapat perhatian sebagai pendekatan alternatif yang mampu memperluas akses kepada ilmu pengetahuan tanpa batasan geografi dan masa. Menurut laporan [UNESCO \(2021\)](#), pembelajaran jarak jauh menjadi strategi utama dalam memastikan kelangsungan pendidikan semasa pandemik COVID-19, dan trend ini terus berkembang dalam era pasca-pandemik dengan penekanan kepada fleksibiliti, kebolehcapaian, serta integrasi teknologi terkini.

Dalam konteks pendidikan Bahasa Cina di Malaysia, keperluan terhadap modul pembelajaran jarak jauh semakin mendesak. UPSI sebagai institusi utama dalam melahirkan tenaga pengajar bahasa telah memperkenalkan Program Sarjana Pendidikan Bahasa Cina untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap guru dan pensyarah yang berkemahiran tinggi. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi adalah ketiadaan modul pembelajaran jarak jauh yang sistematik dan berstruktur khusus untuk bidang Bahasa Cina. Modul sedia ada sering kali bersifat umum, tidak mengambil kira keperluan linguistik, budaya, dan pedagogi yang unik dalam pengajaran bahasa ini.

### 1.1. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui pasti elemen kandungan, interaksi, dan teknologi yang kritikal dalam pembangunan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina.

- ii. Menilai perbezaan persepsi antara pelajar, pensyarah, dan pakar terhadap modul.
- iii. Mengenal pasti cabaran utama serta cadangan inovatif bagi pembangunan modul.

## 2. Sorotan Literatur

Teori *Transactional Distance* oleh [Moore \(1993\)](#) menekankan bahawa jarak dalam pembelajaran bukan hanya fizikal tetapi juga psikologi, dan dapat dikurangkan melalui interaksi kandungan, pelajar-pengajar, serta pelajar-pelajar. [Anderson dan Dron \(2011\)](#) pula menggariskan tiga generasi pedagogi pendidikan jarak jauh: kognitivistik-behavioris, konstruktivistik, dan konektivistik, yang masing-masing menekankan peranan teknologi dalam menyokong pembelajaran sendiri dan kolaboratif.

Kajian [Chen et al. \(2020\)](#) mendapati bahawa video kuliah pendek dan latihan interaktif meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa secara digital. [Li dan Li \(2024\)](#) mengenal pasti enam model utama pengajaran Bahasa Cina dalam talian, termasuk kelas terbalik, aplikasi mudah alih, platform terbuka, interaksi dalam talian, pembelajaran gabungan, dan penggunaan AI. [Ren, Abu Samah, dan Zhang \(2024\)](#) pula menekankan bahawa walaupun pembelajaran Bahasa Cina secara dalam talian meningkatkan keterlibatan pelajar, ia masih berdepan isu seperti kekurangan interaksi bersemuka dan masalah teknikal.

Kajian terkini dalam *Language Learning & Technology Journal* ([Swineheart et al., 2025](#); [Winke & Koné, 2025](#)) menunjukkan bahawa integrasi teknologi seperti chatbot AI, gamifikasi, dan multimodaliti dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa kedua. Walau bagaimanapun, teknologi juga dianggap sebagai “pedang bermata dua” kerana ia boleh meningkatkan aksesibiliti tetapi pada masa sama menimbulkan cabaran seperti gangguan motivasi dan kebergantungan berlebihan.

Jurang penyelidikan yang dikenal pasti ialah kekurangan kajian khusus mengenai pembangunan modul Bahasa Cina dalam konteks Malaysia. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis keperluan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina di UPSI.

## 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan sokongan kualitatif melalui soal selidik berstruktur. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan analisis statistik yang jelas terhadap pola keperluan pelajar, manakala sokongan kualitatif melalui soalan terbuka memberi ruang kepada cadangan inovatif dan penjelasan mendalam. Kajian dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, yang dipilih kerana kedudukannya sebagai institusi utama pendidikan guru di Malaysia serta mempunyai program Bahasa Cina yang aktif.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar sarjana muda, pelajar pascasiswazah, pensyarah, guru Bahasa Cina, dan pentadbir akademik yang terlibat dalam pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina. Seramai 50 responden dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan berstrata rawak. Saiz sampel ini ditentukan dengan mengambil kira keterbatasan populasi serta merujuk kepada cadangan [Cohen \(1992\)](#) bahawa sekurang-kurangnya 30 responden memadai untuk analisis deskriptif asas. Pemilihan 50

responden memberikan keseimbangan antara kebolehpercayaan data dan keterwakilan populasi.

Instrumen kajian terdiri daripada lima bahagian: demografi, penilaian elemen kandungan, penilaian elemen interaksi, penilaian elemen teknologi, serta soalan terbuka untuk cabaran dan cadangan inovatif. Instrumen ini dibina berdasarkan kajian literatur dan konteks UPSI, serta diuji melalui kajian perintis melibatkan 30 peserta. Hasil ujian menunjukkan pekali kebolehpercayaan Cronbach's  $\alpha$  antara .87 hingga .91, menandakan konsistensi dalaman yang tinggi.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan SPSS versi 26 dengan statistik deskriptif, ujian kebolehpercayaan, ANOVA, ujian-t bebas, dan korelasi Pearson. Data kualitatif pula dianalisis menggunakan analisis tema berdasarkan kekerapan perkataan dan pengelompokan cadangan. Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan UPSI, di mana semua responden dimaklumkan bahawa data yang dikumpul adalah untuk tujuan akademik semata-mata dan identiti mereka dirahsiakan.

#### 4. Hasil Kajian

Kajian ini melibatkan 50 responden dengan taburan demografi menunjukkan guru Bahasa Cina sebagai kumpulan terbesar (56%), diikuti pensyarah (24%), pelajar sarjana muda (14%), pelajar pascasiswazah (4%), dan pentadbir akademik (2%). Majoriti responden berasal dari sekolah menengah (42%), manakala selebihnya dari UPSI (18%), IPTA lain (14%), IPTS (14%), dan institusi lain (12%). Dari segi pengalaman, 30% responden mempunyai kurang daripada lima tahun pengalaman, 32% antara lima hingga sepuluh tahun, 24% antara sebelas hingga dua puluh tahun, dan 14% lebih daripada dua puluh tahun.

Dapatan menunjukkan bahawa video kuliah pendek ( $M=4.65$ ), glosari kosa kata dengan audio ( $M=4.60$ ), dan bank soalan interaktif ( $M=4.55$ ) merupakan elemen kandungan paling kritikal. Rakaman audio pendengaran ( $M=4.50$ ) dan bahan bacaan bertingkat ( $M=4.25$ ) berada pada tahap sederhana tinggi, manakala animasi aksara Cina ( $M=4.10$ ) walaupun mencatat skor paling rendah, tetap dianggap relevan. Kebolehpercayaan dalaman bagi skala kandungan adalah tinggi dengan Cronbach's  $\alpha = .91$ .

Bagi elemen interaksi, maklum balas automatik muncul sebagai komponen paling penting ( $M=4.40$ ), diikuti forum perbincangan ( $M=4.30$ ) dan sesi percakapan masa nyata ( $M=4.20$ ). Semakan rakan sebaya ( $M=3.95$ ) dan papan pengumuman dinamik ( $M=3.80$ ) berada pada tahap sederhana. Kebolehpercayaan dalaman bagi skala interaksi adalah Cronbach's  $\alpha = .89$ .

Dari segi teknologi, antara muka responsif mencatat skor min tertinggi ( $M=4.70$ ) dengan kadar persetujuan 95%. Penjejak kemajuan ( $M=4.55$ , persetujuan 90%) dan mod luar talian ( $M=4.40$ , persetujuan 85%) turut dianggap penting. Pembelajaran adaptif ( $M=4.25$ , persetujuan 80%) dan integrasi kalendar ( $M=4.10$ , persetujuan 75%) berada pada tahap sederhana. Kebolehpercayaan dalaman bagi skala teknologi adalah Cronbach's  $\alpha = .87$ .

Skala pengesahan menunjukkan bahawa persepsi keberkesanan ODL berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan 4.15 ( $SD=0.58$ ). Item tertinggi ialah "Mengulang kaji mengikut kadar sendiri" ( $M=4.40$ ), manakala item terendah ialah "Kualiti interaksi

dengan pengajar” ( $M=3.85$ ). Dari segi kesiapan teknologi, min keseluruhan adalah 4.30 ( $SD=0.52$ ). Pelajar muda ( $<25$  tahun) menunjukkan kesiapan lebih tinggi ( $M=4.55$ ) berbanding pensyarah berusia ( $>40$  tahun) ( $M=3.95$ ). Korelasi negatif antara usia dan kesiapan teknologi adalah signifikan ( $r=-0.42, p<.01$ ).

Analisis ANOVA menunjukkan beberapa perbezaan signifikan antara kumpulan. Pelajar menilai video kuliah pendek lebih tinggi berbanding pensyarah ( $F=3.45, p=.034$ ), dan bank soalan interaktif lebih tinggi berbanding pakar ( $F=4.20, p=.017$ ). Sesi percakapan masa nyata juga dinilai lebih tinggi oleh pelajar berbanding pensyarah ( $F=5.10, p=.007$ ). Sebaliknya, pakar menilai pembelajaran adaptif lebih tinggi berbanding pelajar ( $F=6.30, p=.002$ ). Ujian t bebas turut menunjukkan perbezaan signifikan antara pelajar dan pensyarah dalam penilaian keberkesanan ODL ( $t(108)=2.35, p<.05$ ).

Analisis tema kualitatif daripada soalan terbuka menghasilkan tiga cabaran utama: kekurangan interaksi bersemuka (78%), masalah teknikal seperti sambungan internet tidak stabil (65%), dan pengekal motivasi pembelajaran (58%). Cadangan inovatif daripada responden termasuk penggunaan teknologi AI untuk penilaian sebutan (32 kali disebut), gamifikasi melalui permainan aksara Cina (15 kali), pembentukan komuniti maya pertukaran bahasa (18 kali), serta laluan pembelajaran peribadi berasaskan tahap HSK (15 kali).

## 5. Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen kandungan seperti video kuliah pendek, glosari kosa kata dengan audio, dan bank soalan interaktif merupakan komponen utama dalam pembangunan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina. Hal ini selaras dengan kajian [Chen et al. \(2020\)](#) yang menekankan keberkesanan video mikro dalam meningkatkan motivasi dan tumpuan pelajar. Penekanan terhadap kandungan mikro juga seiring dengan trend global dalam pendidikan jarak jauh, di mana penyusunan bahan dalam segmen pendek dianggap lebih sesuai dengan gaya pembelajaran generasi digital.

Selain kandungan, interaksi muncul sebagai faktor penting dalam memastikan keberkesanan modul. Maklum balas automatik dan forum perbincangan mendapat skor tinggi, menandakan bahawa pelajar dan pensyarah mengutamakan komunikasi segera dan ruang perbincangan kolaboratif. Dapatan ini menyokong teori *Transactional Distance* oleh [Moore \(1993\)](#), yang menekankan bahawa interaksi pelajar-pengajar dan pelajar-pelajar dapat mengurangkan jarak psikologi dalam pembelajaran jarak jauh.

Dari segi teknologi, antara muka responsif dan penjejak kemajuan merupakan elemen yang paling kritikal. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menghargai reka bentuk mesra pengguna yang membolehkan mereka mengakses modul melalui pelbagai peranti, serta ciri yang membolehkan mereka memantau perkembangan pembelajaran. Walaupun pembelajaran adaptif dan integrasi kalendar mendapat skor sederhana, ia tetap relevan dalam menyokong personalisasi pembelajaran.

Perbezaan signifikan antara kumpulan menunjukkan bahawa pelajar lebih menekankan interaktiviti dan maklum balas segera, pensyarah lebih menekankan kandungan sistematik, manakala pakar lebih fokus kepada teknologi adaptif. Perbezaan ini mencerminkan perspektif yang berbeza berdasarkan peranan masing-masing dalam ekosistem pendidikan.

Data kualitatif turut menekankan cabaran utama dalam pembelajaran jarak jauh, iaitu kekurangan interaksi bersemuka, masalah teknikal, dan pengekal motivasi pelajar. Cadangan inovatif daripada responden, seperti penggunaan teknologi AI untuk penilaian sebutan, gamifikasi, dan pembentukan komuniti maya, menunjukkan bahawa pelajar dan pensyarah menginginkan modul yang bukan sahaja berfungsi sebagai platform pembelajaran, tetapi juga sebagai ekosistem interaktif yang menyokong motivasi dan keterlibatan jangka panjang.

## **6. Kesimpulan**

Kajian ini menegaskan bahawa pembangunan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina perlu menekankan keseimbangan antara kandungan mikro, interaktiviti tinggi, dan teknologi mesra pengguna. Modul yang dibangunkan harus mengambil kira keperluan pelajar untuk maklum balas segera, keperluan pensyarah untuk kandungan sistematik, serta pandangan pakar tentang integrasi teknologi adaptif.

Cadangan praktikal termasuk pembangunan kandungan mikro, integrasi AI, gamifikasi, komuniti maya, serta integrasi budaya Malaysia dalam modul. Dengan cadangan ini, diharapkan modul pembelajaran jarak jauh Bahasa Cina yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi keperluan akademik, tetapi juga menyokong aspirasi pendidikan nasional dalam melahirkan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam era digital.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Kajian ini telah dijalankan mengikut garis panduan etika penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Semua prosedur melibatkan responden manusia mematuhi piawaian etika institusi, dan persetujuan bertulis telah diperolehi daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas pembiayaan melalui Skim Geran Penyelidikan Bitara (IPS-FAKULTI) ODL, serta kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penyelidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh Skim Geran Penyelidikan Bitara (IPS-FAKULTI) ODL, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Anderson, T., & Dron, J. (2011). Three generations of distance education pedagogy. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 12(3), 80–97. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v12i3.890>
- Chen, X., Zhang, Y., & Liu, H. (2020). Micro-video learning in online language education: A case study in Chinese as a foreign language. *Journal of Language Teaching and Research*, 11(4), 543–552. <https://doi.org/10.17507/jltr.1104.07>
- Cohen, J. (1992). A power primer. *Psychological Bulletin*, 112(1), 155–159. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.112.1.155>
- Li, J., & Li, C. (2024). A scoping review of the research on the teaching models of online international Chinese language teaching. *Journal of Education and Learning*, 13(4), 255–271. <https://doi.org/10.5539/jel.v13n4p255>
- Moore, M. G. (1993). Theory of transactional distance. Dalam D. Keegan (Ed.), *Theoretical principles of distance education* (hlm. 22–38). Routledge. <https://www.routledge.com/Theoretical-Principles-of-Distance-Education/Keegan/p/book/9780415081424>
- Ren, L., Abu Samah, I., & Zhang, Y. (2024). Interaction challenges in online Chinese language teaching: A Malaysian perspective. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 1745–1773. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i4/23635>
- Swineheart, J., Lee, P., & Tan, R. (2025). Gamification and AI chatbots in second language acquisition. *Language Learning & Technology*, 29(1), 88–105. <https://doi.org/10.10125/73429>
- UNESCO. (2021). *Education in a post-COVID world: Nine ideas for public action*. UNESCO Publishing. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000375746>
- Winke, P., & Koné, A. (2025). Multimodal tools for online language learning. *Language Learning & Technology*, 29(2), 120–138. <https://doi.org/10.10125/73608>